

SOALAN LAZIM (FAQ) PERMOHONAN BANTUAN DANA INSPIRASI MALAYSIA (Inspirasiku)

1. S: Apakah Inspirasiku?

J: Inspirasiku adalah Dana Inspirasi Malaysia yang merupakan inisiatif terbaharu YaPEIM di bawah Teras Pembangunan Sosioekonomi dan Amal Jariah bagi memberi manfaat kepada hampir 40,000 pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara untuk memulakan sesi persekolahan dan persediaan kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi (IPT).

2. S: Apakah objektif Inspirasiku?

J: Objektif Inspirasiku adalah seperti berikut:

- a) Membantu dan meringankan bebanan keluarga yang berpendapatan rendah atau kumpulan B40 dalam menangani aspek kebajikan dan pendidikan anak-anak khususnya untuk memulakan sesi persekolahan dan persediaan kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi (IPT)
- b) Melengkapi usaha pelbagai pihak khususnya agensi kerajaan yang berkaitan, institusi, masyarakat dan keluarga dalam menyantuni anak-anak dan pelajar terbabit.
- c) Selari dengan *Sustainable Development Goals (SDG) - Goal 4: Quality Education*) yang disasarkan di bawah United Nations yang bertujuan memberikan pendidikan yang berkualiti supaya dapat meningkatkan kualiti hidup dan akses kepada pendidikan yang inklusif.
- d) Platform kepada masyarakat untuk menyumbang bagi tujuan pendidikan dalam kalangan anak-anak keluarga kumpulan B40.

3. S: Bilakah permohonan Inspirasiku boleh dibuat?

J: Permohonan boleh dibuat bermula 1 Disember 2019 dan pembayaran akan tertakluk kepada kecukupan dana yang dikumpul.

4. S: Bilakah tarikh tamat tempoh permohonan?

J: Permohonan akan dibuka secara berfasa selagi Tabung Inspirasiku masih mempunyai dana. Fasa Pertama untuk Bantuan Pendidikan Sekolah akan ditutup pada 31 Januari 2020. Sebarang permakluman bagi fasa seterusnya dan tarikh tutup Bantuan Pendidikan IPT akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui laman web dan media sosial YaPEIM (<http://www.yapeim.my>) dan Dana Inspirasi Malaysia (<http://inspirasiku.yapeim.my>) .

5. S: Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan?

J: Permohonan boleh dibuat secara dalam talian (online) di laman sesawang YaPEIM iaitu <http://inspirasiku.yapeim.my>

atau;

Emelkan borang yang telah lengkap dan Salinan dokumen sokongan kepada alamat inspirasiku@yapeim.my.

atau;

Mendapatkan borang permohonan di 212 buah cawangan-cawangan Ar Rahnu YaPEIM statik dan bergerak atau Pejabat YaPEIM Negeri atau Ibu Pejabat YaPEIM.

6. S: Siapakah yang layak membuat permohonan Inspirasiku?

J: Ibu/ bapa/ penjaga kepada pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) di dalam dan luar negara

7. S: Apakah kriteria dan syarat-syarat permohonan bantuan?

J: Syarat dan kelayakan permohonan adalah seperti berikut:

- i) Warganegara Malaysia SAHAJA
- ii) Surat Tawaran Pengajian dari pihak IPT di dalam dan luar negara atau Surat Pengesahan Persekolahan seperti contoh yang dilampirkan bersama Senarai Semak.
- iii) Pendapatan isi rumah tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan Negara kategori B40
- iv) Slip gaji/ pengesahan majikan sebagai bukti Pendapatan Isi Rumah.

8. **S: Adakah satu keluarga hanya layak memohon satu permohonan?**
- J: Tidak, satu keluarga layak memohon untuk setiap anak yang memenuhi kriteria dan syarat bantuan.
9. **S: Berapakah jumlah bantuan Inspirasiku yang akan diberikan kepada setiap pelajar?**
- J: Pelajar sekolah akan menerima bantuan **sehingga RM500.00** manakala bagi pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) akan menerima bantuan **sehingga RM1,000.00** bergantung kepada kecukupan dana yang dikumpul.
10. **S: Sekiranya bantuan pernah diterima, adakah permohonan kali kedua dan seterusnya boleh dibuat?**
- J: Boleh. Pemberian bantuan akan diberikan kepada pemohon yang layak berdasarkan permohonan yang dikemukakan dan permohonan boleh dibuat setiap kali pendaftaran sesi persekolahan rendah dan menengah. Manakala bagi IPT, permohonan adalah bagi setiap tahun pengajian. (Tertakluk kepada terma dan syarat).
11. **S: Adakah semua golongan B40 secara automatik akan layak mendapat bantuan untuk semua anak-anak?**
- J: Tidak, tertakluk kepada terma dan syarat permohonan
12. **S: Bagaimanakah bantuan akan disalurkan?**
- J: Bantuan diagihkan secara serahan tunai atau pindahan akaun dan kaedah agihan akan dimaklumkan setelah permohonan diluluskan.
13. **S: Adakah penerima sumbangan akan terikat dengan apa-apa kontrak atau program yang disediakan oleh YaPEIM pada masa akan datang?**
- J: Tidak

SOALAN LAZIM (FAQ) PENYUMBANG DANA INSPIRASI MALAYSIA (Inspirasiku)

1. S: Bagaimana cara sumbangan boleh dibuat?

J: Sumbangan secara sekaligus atau secara bulanan bagi tempoh tertentu boleh disalurkan secara tunai, pindahan akaun atau cek kepada:

- a) Tabung Kebajikan dan Pelajaran YaPEIM
Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)
No. Akaun : 14023010000082
- b) Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia
Maybank Malaysia Berhad (MBB)
No. Akaun: 564016103182
- c) Tabung Kebajikan Pelajaran YPEIM
Bank Simpanan Nasional (BSN)
No. Akaun: 1410029864503006

Penyumbang juga boleh membuat sumbangan melalui aplikasi berikut:



2. S: Adakah penyumbang layak mendapat pengecualian cukai?

J: Ya, sumbangan yang dimasukkan ke dalam TABUNG KEBAJIKAN DAN PELAJARAN YaPEIM akan menerima resit atas nama "Tabung Kebajikan dan Pelajaran YaPEIM" dan resit ini boleh dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk Pengecualian Cukai Pendapatan di bawah Seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

3. **S: Bagaimana penyumbang boleh mendapatkan penyata sumbangan?**
- J: Penyumbang boleh membuat permohonan penyata melalui emel spg@yapeim.my
4. **S: Adakah Wang Tidak Patuh Syariah boleh disumbangkan kepada Dana Inspirasi Malaysia.**
- J: Ya, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan telah memperakukan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak telah memutuskan Wang Tidak Patuh Syariah boleh digunakan oleh YaPEIM bagi pelaksanaan aktiviti masalah umum atau dimanfaatkan oleh golongan sasaran yang memerlukan.
5. **S: Adakah penyumbang boleh mengetahui jumlah agihan dana yang telah dibuat?**
- J: Ya, penyumbang boleh menyemak agihan yang dikeluarkan melalui www.yapeim.my
6. **S: Apakah beza sumbangan kepada Tabung Inspirasiku dengan sumbangan amal jariah lain yang dibuat setiap bulan?**
- J: Sumbangan yang diterima dalam Tabung Inspirasiku akan diagihkan hanya bagi tujuan pendidikan manakala sumbangan amal jariah setiap bulan terbuka kepada semua jenis bantuan sama ada kebajikan, keusahawanan dan sosioekonomi.